

WAKAF SERVICE FROM AN ISLAMIC POINT OF VIEW

WAKAF PERKHIDMATAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Muhammad Ikhwan Megat Saidi ⁱ, Mat Noor Mat Zain ⁱⁱ & Salmy Edawati Yaacob ⁱⁱⁱ

ⁱ Calon Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). ikhwanmegatsaidi@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). mnmz@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ (Corresponding author). Profesor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). salmy1001@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Waqf is one of Islamic Institutions that existed since the time of Prophet Muhammad S.A.W. which serves to increase the economy and development of Islam. This institution is also one of the pillars of success in Islamic social apart from charity, zakat and others. Therefore, it becomes a necessity for Waqf institutions to diversify the types of Waqf to be implemented in Malaysia along with current develepmonts. Among the Waqf that can be given attention is the service Waqf in which a person who does not have the goods or money to be donated can delegate the services or expertise that they have because it will have a good impact on the Malays in particular ang Muslims in ganeral. Therefore, the purpose of study is to see whether the Waqf service can be done according to Islamic low or not. This study also intends to create a model for the implementation of service endowments in accordance with Islamic law and examine the uncertainties that arise in the execution of current service endowments. This study is a qualitative study using the method of data analysis and it make use of reference meterials such as books and journal related to waqf. The expected outcome of this study is that service waqf can be identified by the implementation of the law and garner interest among the Malaysian community with the parameters related to service waqf.</i></p>
Keywords:	<p><i>Definition, Waqf, Service, Model, Cash.</i></p>
Abstrak	<p><i>Wakaf merupakan antara salah satu daripada institusi Islam yang wujud sejak dari zaman Rasulullah S.A.W. yang berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan Islam. Institusi ini juga merupakan salah satu tunjang kejayaan dalam jaminan sosial Islam selain daripada sedekah, zakat dan lain-lain. Oleh itu menjadi satu keperluan untuk institusi wakaf mempelbagaikan jenis wakaf untuk dilaksanakan di Malaysia seiring dengan perkembangan semasa. Antara wakaf yang boleh diberikan perhatian adalah wakaf perkhidmatan, yang mana seseorang yang tidak mempunyai barang atau wang yang hendak diwakafkan boleh mewakafkan perkhidmatan atau kepakaran yang dimiliki kerana ianya akan memberikan impak kebaikan kepada orang Melayu khususnya dan umat Islam amnya. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat adakah wakaf perkhidmatan dapat dilaksanakan mengikut hukum syarak. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kekaburan yang berlaku dalam pelaksanaan wakaf perkhidmatan yang sedia ada dan menghasilkan model pelaksanaan wakaf perkhidmatan mengikut syarak. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan</i></p>

	<p><i>menggunakan kaedah analisis data dan membuat rujukan buku-buku serta jurnal berkaitan wakaf. Hasil daripada kajian ini ialah, wakaf perkhidmatan dapat dikenal pasti hukum pelaksanaanya dan mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan wujudnya parameter berkaitan wakaf perkhidmatan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Definisi, Wakaf, Perkhidmatan, Model, Tunai.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Wakaf secara falsafahnya adalah satu amalan yang mendekatkan diri manusia kepada Allah S.W.T. wakaf adalah suatu perkara yang amat dituntut oleh Allah di mana kita memberi harta yang dimiliki kepada ummah atau kepada Islam. Konsep pemilikan harta adalah, semua harta yang kita miliki hakikatnya semua milik Allah dan kita hambanya hanya pemegang amanah dalam menguruskan harta tersebut. Wakaf pada asalnya adalah bersifat kekal yang mana perkataan wakaf ini diambil daripada kalimat Arab iaitu ‘waqafa’ yang memberi maksud berhenti dari berjalan. Sebagai terbitan, kata wakaf sama makna dengan ‘al-Habs’ yang bermaksud tahan atau menahan harta yang dimiliki semata-mata kerana Allah SWT. Pemberian wakaf merupakan salah satu cara untuk memupuk sifat pengorbanan manusia semata-mata kerana Allah SWT.

Menurut Mazhab Imam Abu Hanifah, menyatakan wakaf adalah menahan ‘ayn sesuatu harta daripada milik pewakaf dan digunakan manfaat harta tersebut untuk jalan kebajikan (al-Samawiyy, t.t). Dari segi pemilikan Mazhab Hanafi berpendapat bahawa harta yang diwakafkan tidak terkeluar daripada milik pewakaf, bahkan masih kekal menjadi milik pewakaf, harus untuk jual beli selagi mana ia masih hidup. Apabila pewakaf meninggal dunia harta tersebut menjadi harta pusaka yang diwarisi. Mengikut Mazhab Hanafi juga harta wakaf dianggap sebagai satu penggunaan manfaat terhadap sesuatu harta untuk kebajikan (Mustafa al-Syakcah, 1407H)

Oleh itu, harta wakaf boleh dipindah milik dalam tiga cara iaitu melalui keputusan hakim, wasiat dan diwakafkan untuk masjid (Ibn Abidin, 1399H). Ibn al-Humam, yang juga ulama mazhab Hanafi mentakrifkan wakaf sebagai menahan ‘ayn harta atas milik pewakaf dan memberikan manfaatnya itu kepada sesiapa yang ia suka (kepada orang miskin atau tujuan kebajikan)(Ibn al-Humam, t.t). Maksud yang difahami ialah harta wakaf itu tetap berada pada pegangan pewakaf, maka pewakaf berkuasa di atas harta yang diwakafkan. Ertinya wakaf itu ialah menahan harta pokok yang diwakafkan.

Mazhab Maliki menyatakan wakaf ialah mewakafkan sesuatu harta untuk dimiliki manfaatnya sekalipun pemilikan tersebut berbentuk sewaan atau mewakafkan hartanya seperti wang ringgit kepada yang berhak melalui akad mengikut tempoh masa yang dikehendaki oleh pewakaf (al-Zuhayliyy, 1405H). Al-Sanhuriyy (1368H) menyatakan Mazhab Maliki tidak mensyaratkan wakaf mestilah bersifat kekal. Ia mengharuskan wakaf sementara dengan menetapkan satu jangka masa, seperti mewakafkan sesuatu sehingga orang yang diwakafkan kepadanya meninggal dunia.

Ulama Mazhab Syafie mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta yang boleh memberi manfaat dengannya, dengan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf untuk diberikan kepada tempat pemberian yang diharuskan (al-Sharbiniyy, 1377H) . Pengertian daripada takrif ini, wakaf boleh menghilangkan hak milik waqif (pewakaf) dan berpindah kepada penerima wakaf untuk menggunakan manfaatnya, akan tetapi harta tersebut mesti kekal keadaanya.

Definisi wakaf menurut Mazhab Hanbali pula adalah menahan sesuatu benda daripada berpindah milik dan digunakan manfaatnya. Sesiapa yang mewakafkan harta maka segala manfaatnya diserahkan kepada si penerima wakaf dan pewakaf tidak mendapat apa-apa daripada harta yang diwakafkan kecuali mewakafkan harta untuk kegunaan orang-orang Islam seperti mewakafkan masjid (al-Syakcah, 1987). Seterusnya Ibnu Qudamah menegaskan bahawa tidak akan berlaku wakaf apabila adanya syarat yang dibuat oleh pewakaf itu sendiri (Ibn Qudamah., t.t).

PERKEMBANGAN PELAKSANAAN WAKAF

Dalam sejarah Islam, wakaf dikenali sejak zaman Rasulullah SAW kerana wakaf disyariatkan setelah nabi SAW berhijrah ke Madinah pada tahun kedua hijriyah. Ada dua pendapat yang berkembang dalam kalangan para fuqaha tentang siapa yang pertama kali melaksanakan syariat wakaf. Menurut sebahagian pendapat ulama mengatakan Rasulullah adalah orang pertama yang melaksankan wakaf iaitu dengan mewakafkan tanah milik Baginda SAW untuk dibangunkan masjid. Pendapat ini berdasarkan hadis : yang diriwayatkan oleh Umar bin Syabah dari 'Amr bin Sa'ad bin Mu'az, ia berkata :

{ عن عمرو بن سعد بن معاذ قال : سألنا عن أول حبس في الإسلام ف قال: المهاجرون: صدقة عمر،
وقال الأنصار صدقة رسول الله صلى الله عليه وسلم }

Maksudnya: "kami bertanya tentang mula-mula wakaf dalam Islam? Orang Muhajirin mengatakan adalah wakaf Umar, sedangkan orang-orang Ansor mengatakan adalah wakaf Rasulullah s.a.w." (Hadis. al-Shawkaniyy. 129)

Rasulullah pada tahun ketiga hijriyah pernah mewakafkan ketujuh kebun kurma di Madinah, antaranya ialah kebun A'raf Shafiyyah, Dalal, Barqah dan kebun-kebun lainnya.

Manakala sebahagian ulama lain mengatakan bahawa yang pertama melaksanakan syariat wakaf ialah Umar bin Khattab. Pendapat ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan Ibnu Umar RA, berkata :

{ عن نافع، عن ابن عمر، قال: (أصاب عمر أرضاً بخيِّر، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها،
فقال: يا رسول الله، أين أصبت أرضاً بخيِّر، لم أصب مالاً قط هو أنفُسِي عندِي منه، فما تأمرني به؟ قال:
انشَّتْ حبستْ أصلَّها، وتصدقَتْ بِهَا عمر، أَنَّه لَا يباعُ أصلَّها، وَلَا يبَتَّاعُ، وَلَا يورثُ،
وَلَا يوهَبُ، قال: فتصدق عمر في الفقراء، وفي القرى، وفي الرقاب، وفي سبيل الله، وابن السبيل، والضيف،
لَا جناحٌ على من ولَّها أَن يأكل منها بالمعروف، أو يطعم صديقاً غير متولٍ فيه }

Maksudnya: "Daripada Nafi' daripada Ibn Umar mneyebut bahawa Umar RA, memperoleh sebidang tanah di Khaibar, kemudian Umar RA menghadap Rasulullah SAW untuk meminta petunjuk, Umar berkata : wahai Rasulullah saya mendapat sebidang tanah di Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang perlu saya lakukan? Rasulullah SAW bersabda: "kalau kamu mahu, bukukan sumbernya dan bersedekah dengannya." Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekaan hamba, tetamu, dana orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta." (Hadis. Al-Bukhari. Bab al-Shurut fi al-Waqf. 2737).

Kemudian syariat wakaf yang telah dilakukan Umar bin Khattab disusul oleh Abu Talhah yang mewakafkan kebun kesayangannya 'Bairaha'. Selanjutnya disusul oleh sahabat Nabi SAW yang lain seperti Abu Bakar yang mewakafkan sebidang tanahnya di Makkah yang diperuntukkan kepada anak keturunannya yang datang ke Makkah. Uthman menyedekahkan hartanya di Khaibar. Ali bin Abi Thalib mewakafkan tanahnya yang subur. Muaz bin Jabal mewakafkan rumahnya yang masyhur dengan sebutan "Dar Al-Anshar". Dapat dilihat di sini, di awal pelaksanaan wakaf ianya hanya berlaku kepada harta tak alih sahaja seperti tanah, rumah dan kebun untuk dijadikan sebagai wakaf, yang mana harta itu dapat dimanfaatkan dan ia mestilah bersifat kekal dan tidak boleh dipindah milik serta untuk tujuan kebajikan (Khalid Muhibib, 2005)

Mutakhir ini, telah muncul beberapa inovasi kepada pelaksanaan wakaf iaitu wakaf emas, wakaf korporat, wakaf seni, wakaf saham, wakaf tunai, wakaf pendidikan,

wakaf harta intelek dan wakaf yang sedang diperbincangkan iaitu wakaf perkhidmatan. Yang mana kesemua wakaf ini tidak diamalkan pada zaman Rasulullah SAW terdahulu tetapi telah di inovasikan oleh ulama temporori untuk menggalakkan dan mempelbagaikan wakaf dalam kalangan masyarakat. Kebanyakkan wakaf seperti wakaf tunai, wakaf pendidikan, wakaf korporat telah dilaksanakan secara meluas dan terdapat pelbagai institusi wakaf di Malaysia melaksanakannya. Akan tetapi wakaf perkhidmatan adalah satu perkara yang baru yang hendak dilaksanakan dan pelaksanaanya masih belum meluas di Malaysia, dengan hanya lima negeri sahaja yang mempunyai peruntukan enakmen berkaitan wakaf perkhidmatan ini iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Perak. Perkembangan wakaf perkhidmatan ini boleh diperluaskan lagi kerana kerangka dan sifat perkhidmatan itu sendiri adalah atas sifat bantu membantu antara satu sama lain.

KONSEP WAKAF PERKHIDMATAN

Menurut Perbadanan Wakaf Selangor (2023), wakaf perkhidmatan ialah wakaf yang dilakukan oleh sesorang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu seperti bidang teknologi maklumat (IT), doktor, pensyarah, arkitek dan lain-lain lagi, dengan mewakafkan kepakarannya kepada masyarakat yang boleh mendatangkan manfaat buat umat Islam sehingga akhir zaman.

Wakaf mempunyai pelbagai kebaikan dan kelebihan bagi seseorang muslim. Tujuan wakaf terbahagi kepada dua iaitu, tujuan keagamaan dan tujuan kemanusian. Tujuan keagamaan merujuk kepada matlamat wakaf iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menggapai syurganya malah dengan memperoleh ganjaran yang berpanjangan kesan daripada melaksanakan amal-amal yang baik dan berlaku ihsan sesama manusia. Sementara tujuan kemanusian dilihat dalam konteks Islam sentiasa mementingkan kemaslahatan manusia dan menunjukkan mereka kepada jalan yang lurus yang dikehendaki (Siyad Faisal, 2010), iaitu dengan membantu golongan yang memerlukan melalui manfaat wakaf tersebut.

Wakaf dalam Islam tidak hanya terhad kepada membantu golongan yang memerlukan sahaja dan tujuan keagamaan sahaja, akan tetapi merangkumi tujuan kemasyarakatan yang sangat luas skopnya sehingga turut mencakupi keperluan ilmu, iaitu institusi pendidikan dan pelajar-pelajar pengajian Islam. Terdapat wakaf untuk universiti penyelidikan dan institusi yang menyebarkan risalah Islam kepada manusia (al-Kabisiyy 1959).

Wakaf kepakaran atau perkhidmatan telah dilaksanakan di Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF), mereka telah melaksanakan wakaf kepakaran bagi sukarela universiti untuk membantu jemaah haji dan umrah dalam bidang kesihatan, pentadbiran, kesedaran dan bimbingan agama. Model ini merupakan integrasi di antara wakaf bertempoh dan kesukarelaan (Muhammad Firdaus & Muhammad Amanullah, 2016). Sewaktu krisis covid-19 melanda seluruh dunia, pentadbiran negara telah membawa kepada perubahan yang ketara dan mencetuskan ‘new normal’ dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Dalam perintah kawalan PKP, pelbagai usaha berbentuk infaq dan wakaf dalam pelbagai bidang kepakaran sangat dituntut bagi sama-sama memberikan sumbangan bukan hanya bentuk tunai semata-mata, malah melalui sumbangan berbentuk kemahiran, tenaga kesukarelawanan dan kepakaran (Muhammad Ridhwan, 2020). Kepakaran yang dimiliki boleh digunakan untuk sama-sama menyumbang kepada masyarakat dan negara terutama dalam situasi yang genting. Ketika pandemik COVID-19 melanda Malaysia, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang merupakan Ketua Pengarah Kesihatan ketika itu menggalakkan hampir 3000 orang jururawat yang sudah bersara kembali bertugas kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan ramai petugas kesihatan khususnya dalam kalangan doktor perubatan dan jururawat dalam membendung pandemik. Dalam situasi inilah wakaf perkhidmatan dapat memainkan peranan penting untuk menggalakkan masyarakat yang mempunyai sebarang kepakaran untuk turut membantu.

Menurut laporan Berita Harian (2019) Dekan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Islam Malaysia, Prof Madya Dr Amir Sharuddin menyatakan wakaf perkhidmatan adalah satu perkara yang harus diketengahkan dan dibincangkan untuk diterapkan dalam bentuk wakaf apatah lagi, kos perubatan dan pendidikan di Malaysia semakin meningkat menjadikan wakaf perkhidmatan adalah satu jalan yang terbaik untuk meningkatkan sumbangan orang awam. Wakaf perkhidmatan penting kerana ia adalah cara yang membolehkan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang menyumbang idea dan tenaga mereka dalam bentuk wakaf, kerana ramai profesor yang sudah melepas usia persaraan tetapi mempunyai kepakaran yang sangat berharga.

HUKUM PELAKSANAAN WAKAF PERKHIDMATAN

Wakaf adalah satu amalan yang diharuskan dalam Islam. Pensyariatan wakaf adalah berasal daripada hadis Ibn Umar di mana Rasulullah SAW memerintahkan supaya ditahan harta asal dan disedekahkan hasilnya. Hadis ini menghasilkan dua elemen dalam harta wakaf iaitu harta yang kekal (harta tak alih) dan manfaat yang boleh dinikmati daripadanya. Asal pelaksanaan wakaf ialah harta tak alih sahaja berdasarkan hadis Nabi SAW. Maksud harta tak alih (*iqar*) ialah harta yang tidak boleh dipindah atau dialihkan daripada sesuatu tempat ke tempat yang lain. Pada asalnya ia adalah tanah sama ada meliputi bangunan di atasnya atau tiada. Akan tetapi wakaf telah berkembang mengikut peredaran masa dengan pesat yang mana ia bukan sahaja melibatkan harta tak alih tetapi kini semakin meluas sehingga melibatkan harta alih. Antara contoh harta alih yang hendak dibincangkan adalah wakaf perkhidmatan. Wakaf tunai boleh dijadikan sumber rujukan dalam penentuan hukum pelaksanaan wakaf perkhidmatan.

Para ulama berbeza dalam pelaksanaan wakaf tunai, terdapat dua pandangan fuqaha dalam pelaksanaan wakaf tunai. Pandangan pertama, Abu Hanifah berpandangan tidak boleh menunaikan wakaf tunai dalam apa jua keadaan. Walaupun harta tersebut boleh dimanfaatkan tanpa menjelaskan zatnya seperti haiwan dan senjata. Justeru wang di antara harta yang tidak boleh diwakafkan. Demikian juga pandangan Abu Yusuf yang tidak membolehkan pelaksanaan wakaf tunai pada harta alih kecuali haiwan dan pedang untuk kegunaan perang kerana ia sabit dalam hadis secara jelas. Maka selain daripada harta itu tidak dibenarkan sama ada wang atau selain daripadanya (Fathullah Al-Haq Muhammad Asni, 2017).

Pandangan kedua, Mazhab Malikiyyah berpendapat walaupun wakaf dengan harta tak alih seperti makanan dan wang adalah wakaf yang meragukan daripada segi keutuhan dan kekekalan, namun wakaf wang diharuskan sekiranya diwakafkan sebagai wang pinjaman (*qard hassan*). Diharuskan wakaf tunai secara *qat'i* seperti memberi pinjam wang kerana tidak terkeluar daripada prinsip asal wakaf. Seperti yang disebutkan dalam kitab *al-Mudawarah* yang dinyatakan dalam bab zakat yang bermaksud "sekiranya seseorang itu mewakafkan 100 dinar untuk dipinjamkan kepada orang ramai dan mereka mengembalikannya setelah mendapat manfaat daripadanya, ia menjadikannya sebagai harta yang telah diwakafkan kepada orang ramai. Adakah kamu berpandangan ini adalah zakat? Beliau mengatakan ya, ia dinamakan zakat". Jawapan sebagai zakat adalah dalil bahawa Mazhab Maliki mengiktiraf wakaf tunai sebagai salah satu jenis wakaf yang dibenarkan (Fathullah Al-Haq Muhammad Asni, 2017).

Berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan ulama dalam pelaksanaan wakaf perkhidmatan. Majoriti para fuqaha mensyaratkan kekal ke atas harta wakaf dan hendaklah dimasukkan dalam penyataan *sighah* untuk melakukan wakaf, ini menurut pandangan ulama mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali. Tidak sah melaksanakan wakaf melainkan jangka masa harta itu adalah untuk selama-lamanya. Walau bagaimanapun, pandangan Malikiyyah tidak mensyaratkan dilafazkan *sighah ta'bid* ini dan mengharuskan wakaf dilakukan sama ada untuk selama-lamanya atau mempunyai tempoh-tempoh tertentu. Hanya Mazhab Maliki sahaja yang mempunyai perbincangan berkaitan wakaf perkhidmatan dengan menggunakan istilah *wakaf al-khadamat*, manakala mazhab lain

hanya membincangkan wakaf dengan mengaitkannya dengan zat sesuatu barang yang diwakafkan.

Pelaksanaan wakaf perkhidmatan boleh dilaksanakan di Malaysia dengan merujuk kepada Mazhab Maliki yang membenarkan amalan wakaf diberikan kepada yang berhak dengan satu akad dalam jangka waktu tertentu sesuai dengan keinginan pewakaf. Seseorang yang ingin mewakafkan perkhidmatannya kepada mana-mana institusi boleh mewakafkan kepakarannya dengan menentukan masa selama mana ia ingin mewakafkan perkhidmatannya.

PELAKSANAAN WAKAF PERKHIDMATAN

Wakaf perkhidmatan di Malaysia tidak dilaksanakan secara menyeluruh dan tiada model pelaksanaannya juga. Hanya lima negeri di Malaysia sahaja yang mempunyai enakmen undang-undang berkaitan wakaf perkhidmatan iaitu Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Perak dan Selangor. Walaupun lima negeri ini mempunyai enakmen undang-undang berkaitan wakaf perkhidmatan pelaksanaannya tidak dilaksanakan dengan baik, antara puncanya ialah tiada model pelaksanaan yang baik berkaitan wakaf perkhidmatan. Wakaf tunai dan wakaf harta tak alih adalah satu amalan wakaf yang sudah dilaksanakan di Malaysia secara meluas dan setiap wakaf ini mempunyai model pelaksanaanya yang tersendiri bagi memudahkan masyarakat untuk melaksanakannya.

Jadual 1: Pengurusan Wakaf Harta Tak alih

Pemberi Wakaf	Produk Wakaf Tak alih	Pengurus Dana Wakaf Hartanah	Instrumen Pengembangan Dana Wakaf Hartanah	Pengagihan Dana Wakaf Hartanah Kepada Penerima
Terdiri daripada: 1. Individu 2. Organisasi 3. Institusi	1. Wakaf Tanah 2. Wakaf Rumah	Terdiri daripada: 1. Organisasi 2. Institusi	Pengurusan (Wakaf Tanah) pengurus memastikan tanah yang diwakafkan daripada mana-mana pihak atau individu dibangunkan mengikut projek yang boleh memberikan pulangan ekonomi kepada masyarakat.	Tanah yang diwakafkan diberikan kepada pihak kerajaan atau institusi untuk dibangunkan sekolah, masjid, hospital atau perkara yang mendatangkan kebaikan dan manfaat.

Berdasarkan Jadual 1 berkenaan pelaksanaan wakaf harta tak alih, ia jelas seperti mana wakaf yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat yang mana wakaf yang diberikan adalah harta yang kekal dan tidak boleh dipindah seperti tanah atau bangunan. Amalan wakaf harta takalih sudah jelas cara dan hukum pelaksanaanya dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya model pelaksanaan wakaf tunai, tiga komponen penting dalam pembentukan dana dalam sistem pengurusan wakaf tunai (Saidatolakma et al., 2019).

1. Pengurus harta wakaf (*Mutawali*), sama ada kerjasama antara bank dan organisasi wakaf atau daripada organisasi wakaf itu sahaja.
2. Pemberi sumbangan (*Waqif*) : Pemberi dalam kalangan individu, organisasi dan institusi.
3. Harta yang diwakafkan (*Mawquf*) : harta yang diberikan untuk tujuan wakaf seperti wakaf tunai, saham, takaful dan sebaginya.

Jadual 2: Pengurusan Wakaf Tunai

Pemberi Wakaf	Produk Wakaf Tunai	Pengurus Dana Wakaf Tunai	Instrumen Pengembangan Dana Wakaf Tunai	Pengagihan Dana Wakaf Tunai Kepada Penerima
Terdiri daripada : 1.Individu 2.Organisasi 3.Institusi	1. Wakaf Wang 2. Wakaf Saham 3.Wakaf Korparat 4.Wakaf Takaful 5.Wakaf Kaki	Terdiri daripada: 1.Individu 2.Organisasi 3.Institusi	<p>1. Pengurusan (Wakaf Tunai Langsung) Pengurus boleh mendapatkan wakif untuk mengganti harta wakaf yang lama (istibdal) dan pengurus terus memberikan sumbangan itu ke tempat atau organisasi berkenaan.</p> <p>2. Pengurusan dan dana (Wakaf Tunai Secara Tidak Langsung) Pengurus boleh mendapatkan wakif untuk menyumbang harta tersebut akan diuruskan dan dilaburkan dan diagihkan keuntungan kepada keperluan masyarakat dengan mengekalkan modal asal.</p>	Harta akan diberikan oleh pengurus untuk dimanfaatkan oleh harta kekal yang lama seperti bangunan, sekolah, hospital, bangunan yang lama dan sebagainya yang dikira sebagai harta kekal. Hasil daripada keuntungan itu akan diberikan kepada masjid, sekolah, universiti dan harta-harta kekal. Atau bantuan kepada orang miskin

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, pelaksanaan wakaf yang sedia ada di Malaysia seperti wakaf tunai dan wakaf harta tak alih menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan mendapat sambutan daripada masyarakat dengan wujudnya model pelaksanaannya. Model pelaksanaan wakaf perkhidmatan boleh diwujudkan bagi memudahkan amalan wakaf perkhidmatan ini dilaksanakan dan supaya dapat menggalakkan amalan wakaf perkhidmatan dalam kalangan masyarakat terutama di Malaysia.

Jadual 3: Pengurusan Wakaf Perkhidmatan

Pemberi Wakaf	Produk Wakaf Perkhidmatan	Pengurus Dana Wakaf Perkhidmatan	Instrumen Pengembangan Dana wakaf Perkhidmatan	Pengagihan Dana Wakaf Perkhidmatan Kepada Penerima
Terdiri daripada: 1.Individu 2.Organisasi	1. Wakaf perkhidmatan 2.Wakaf tenaga	Terdiri daripada: 1. Organisasi 2. Institusi	<p>1. Pengurusan (Wakaf perkhidmatan Langsung) Pengurus boleh mendapatkan wakif dan pengurus boleh membuat akad tempoh bersama wakif selama mana tempoh yang ingin diwakafkan ke tempat atau organisasi yang berkenaan.</p> <p>2. Pengurus dan dana (Wakaf Perkhidmatan Secara Tidak Langsung) Pengurus boleh mendapatkan wakif untuk berkhidmat dalam tempoh yang dipersetujui kepada institusi kerajaan dan bayaran daripada perkhidmatan itu dijadikan wakaf tunai langsung atau tidak langsung</p>	1. Perkhidmatan yang diwakafkan akan diberikan kepada hospital, sekolah, universiti mengikut perkhidmatan yang diberikan. 2. Perkhidmatan yang diwakafkan akan diberikan kepada institusi-institusi kerajaan dan wang yang diperoleh daripada perkhidmatan akan diberikan oleh pengurus untuk dimanfaatkan oleh harta yang kekal seperti tanah, sekolah, hospital dan lain-lain.

Berdasarkan Jadual 3 berkaitan wakaf perkhidmatan, ia serba sedikit memberi pencerahan dan penjelasan kepada masyarakat yang ingin melaksanakan wakaf perkhidmatan bagaimana perjalanan bagi melaksanakan wakaf perkhidmatan. Dengan wujudnya kerangka pelaksanaan ini ia juga dapat membantu institusi wakaf dalam menguruskan wakaf perkhidmatan secara sistematik dan pelaksanaanya boleh diamalkan secara menyeluruh di Malaysia bukan hanya kepada lima negeri sahaja.

PENUTUP

Amalan berwakaf di negara ini boleh dikembangkan lagi pelaksanaanya dengan mempelbagaikan amalan berwakaf sejarar dengan perkembangan semasa. Islam merupakan sebuah agama yang sempurna syariatnya. Di antara kesempurnaan itu wujudnya syariat wakaf yang merupakan ibadah *maliyah ijtima'iyah* ertinya ibadah harta yang memiliki kedudukan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat. Jika wakaf diuruskan dengan baik maka ianya akan memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan umat Islam dalam aspek seperti pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi. Terdapat pelbagai dalil yang menggalakkkan umat Islam untuk melakukan amalan berwakaf dan wakaf lebih baik daripada sedekah kerana wakaf berkekalan pahalanya dan ia akan berterusan kepada pewakaf selagi mana harta dan manfaat yang diwakafkan itu digunakan.

Pengaplikasian wakaf perkhidmatan juga mampu untuk melestarikan amalan wakaf di Malaysia pada masa kini atau masa akan datang. Walaupun amalan wakaf di Malaysia adalah berdasarkan kepada pendapat mazhab Syafie, ia bukanlah penghalang untuk menerapkan konsep wakaf perkhidmatan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana wakaf perkhidmatan selari dengan pendapat Mazhab Maliki dan beberapa cendekiawan Islam yang membenarkan amalan berwakaf secara bertempoh. Di samping itu, Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri juga ada memperuntukkan bahawa sesuatu hukum itu boleh berpindah kepada mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali jika ianya membawa kemaslahatan kepada masyarakat umum. Pengkaji mendapati bahawa wakaf perkhidmatan berpotensi untuk melestarikan amalan wakaf di Malaysia, ini kerana sifat wakaf perkhidmatan lebih fleksibel untuk diaplikasikan di Malaysia pada masa kini berbanding wakaf secara kekal. Sedekah jariyah juga dikenali sebagai wakaf. Antara bentuk-bentuk sedekah jariyah berdasarkan hadis Abu Hurairah, salah satunya ialah ilmu yang dia ajarkan dan sebarkan. Wakaf perkhidmatan juga dapat membuka peluang kepada masyarakat yang mempunyai kepakaran yang bermanfaat untuk mewakafkan kepakaran atau ilmu yang dimiliki kepada masyarakat terutama di Malaysia.

Justeru diharapkan kepada institusi-institusi wakaf di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti Negeri dapat bekerjasama dalam usaha melaksanakan amalan wakaf perkhidmatan di Malaysia. Pengkaji juga menyarankan agar Institusi-institusi wakaf di setiap negeri membuat satu enakmen berkaitan wakaf perkhidmatan dan model pelaksanaan wakaf perkhidmatan sebagai rujukan dan prospek kepada pembangunan wakaf di Malaysia.

RUJUKAN

Buku

- Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ja'fai. 1998. *Sahih Bukhariyy*. Kitab al-Shurut, Bab al-Shurut fi al-Waqf (2737). Saudi Arabia : Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Abu Jayb Sa'diyy. 2011. *Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Damsyik : Dar al-Siddiq lil-Ulum, 1/318.
- al-Kabisiyah, Muhammad Abid. 1959. *Ahkam al-waqf fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Maktabah al-Irshad.
- al-Qalyubiyy, Shihabuddin & Umairah. 1069H. *Hasyiyah Qalyubi wa Umairah ala Sharh al-Mahali 'ala Minjah al-Thalibin*. Mesir : Dar Ihya al-Kutub wa Arabiyah, Juz 3, 97.

- al-Samawiyy, al-Qadhiyy Abd al-Wahab bin Muhammad. t.t. *Al-Taamul Fi al-Islam*. t.pb, 301.
- al-Sanhuriyy. 1368H. *Al-Qawanin al-Misriyyah al-Mukhtarah min al-Fiqh al-Islamiyy*. Kahirah: Musahimah Misriyyah, Juz 3. h.103.
- al-Sharbiniyy, al-Khatib. 1377H. *Mughni Al-Muhtaj*. Mesir : Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy, Juz 2, 376.
- al-Shawkaniyy. t.t. *Nail al-Authur*. Jil.4. Beirut : Dar al-Fikr.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1405H. *Al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Juz 8, t.pb, 155.
- Ibn Abidin. 1399H. *Hashiyah Radd al-Muhtar*. Dar al-Fikr, t.pb. Juz 4, 338.
- Ibn al-Humam. t.t. *Sharh Fath al-Qadir*. Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, Juz 6, 199.
- Ibn Qudamah. t.t. *al-Mughniyy*. Mesir: Matba'ah al-Imam, juz. 5, 489.
- Khalid Muhibid. 2005. *Athar al-Waqfala Da'wah ilallah Taala*. Riyad: Wizarah Shu'un al-Islamiyah.
- Mustafa al-Syakcah. 1407H. *Islam Bila Madhabib*. Mesir : Al-Dar al-Misrah al-Lubnaniah, 361-371.

Jurnal

Muhammad Asni, Fathullah Al-Haq & Jasni Sulong. 2017. *Wakaf Tunai dan Aplikasinya Dalam Undang-undang di Negara ASEAN*. Jurnal Syariah, 25(2): 217-246.

Laman Sesawang

- Hannezyah Bariah Baharin. 2019. Berita Harian. Doktor, Pensyarah boleh Mewakafkan Perkhidmatan.
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/590951/doktor-pensyarah-boleh-wakaf-perkhidmatan> (diakses pada 28 Julai 2023)
- Muhammad Ridhwan Ab. Aziz. 2020. Infaq dan Wakaf Kepakaran perlu Diterjemahkan dalam Krisis Covid-19. Universiti Islam Malaysia.
<https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/infaq-dan-wakaf-kepakaran-perlu-diterjemah-dalam-krisis-covid-19/> (diakses pada 30 Julai 2023)
- Perbadanan Wakaf Selangor. Wakafkan Kepakaran Untuk Umat Islam Sejagat.
<http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/wakaf/produk-wakaf/wakaf-perkhidmatan> (diakses pada 28 Julai 2023)
- Saidatolakma Mohammad Yunus, Naimah Mohamamad Nasir dan Amni Bazilah Mohd Zain. 2019. Pembentukan Dana Melalui Wakaf Tunai di Malaysia : Perbadanan Wakaf Selangor. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
[https://www.academia.edu/41822992/PEMBENTUKAN_DANA_MELALUI_WAKAF_TUNAI_DI_MALAYSIA_PWS_\(diakses pada 1 Ogos 2023\)](https://www.academia.edu/41822992/PEMBENTUKAN_DANA_MELALUI_WAKAF_TUNAI_DI_MALAYSIA_PWS_(diakses pada 1 Ogos 2023))

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.